

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1994/95

Oktober/November 1994

SAU 409 - Seminar Perhubungan Etnik dan Ras

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SATU** soalan dari Bahagian A dan B dan kemudian pilih **SATU** soalan lagi daripada mana-mana Bahagian.

Jawab **TIGA** soalan sahaja.

**BAHAGIAN A**

1. Disiplin sains kemasyarakatan adalah satu bidang ilmu tentang tingkahlaku manusia. Sejauhmanakah disiplin sains kemasyarakatan berkemampuan menjelaskan tentang sifat manusia itu sendiri.

- [i] Huraikan komponen-komponen pada diri manusia yang perlu diperjelaskan
- [ii] Dengan mengemukakan dua teori perhubungan etnik dan ras sebagai contoh, bincangkan kemampuan teori-teori itu di dalam memperjelaskan tingkahlaku dan masalah manusia.

[100 markah]

2. Pendekatan struktural fungsional menggambarkan manusia disusun mengikut peranannya dan peranan ini akan mengukuhkan perjalanan masyarakat. Walaupun teori ini kurang tepat di dalam menjawab persoalan mengapa hubungan di antara manusia dengan manusia (dan di antara kumpulan dengan kumpulan) sering dipenuhi dengan prasangka, persaingan dan konflik.

...2/-

- (i) Apakah penghalang utama kepada terbinanya jalinan ikatan yang harmoni di antara mereka ini.
- (ii) Apakah yang diperlukan untuk membina masyarakat yang kuat dan bersatupadu?

[100 markah]

3. Sarjana barat tidak mengaitkan masalah perhubungan etnik dan ras dengan aspek kerohanian atau taqwa.

(i) Berikan takrif operasional taqwa?

(ii) Apakah kesan taqwa ke atas akhlak seseorang individu itu?

(iii) Apakah yang akan terjadi kepada manusia dan masyarakat berbilang kaum sekiranya akhlak mulia gagal dibina di dalam kehidupan mereka?

(iv) Apakah kaedah yang perlu digunakan untuk mengikis akhlak terkeji agar keharmonian di antara manusia dapat diwujudkan?

[100 markah]

4. Nyatakan andaian utama teori pilihan rasional di dalam memahami perhubungan etnik dan ras. Apakah faktor yang perlu ditambah untuk menyesuaikan teori ini supaya ia menepati hakikat ilmu dan tidak terperangkap dengan kelemahan 'ilmu santau beracun'?

[100 markah]

...3/-

BAHAGIAN B

5. Bukan semua hubungan di antara individu dengan individu boleh disifatkan sebagai hubungan etnik walaupun mereka berhubungan dengan individu-individu daripada kumpulan etnik dan ras yang berbeza

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan hubungan etnik?
- (ii) Apakah teknik yang boleh digunakan untuk mengukur kekuatan sentimen etnik di antara kaum?
- (iii) Banyak kajian yang telah dijalankan oleh sarjana perhubungan ras dan etnik di Malaysia sering memaparkan masa depan hubungan etnik dan ras yang buruk. Apakah sebab-sebab utama yang menyebabkan mereka tidak dapat melihat kemungkinan telah wujudnya perubahan ke arah terbentuknya masyarakat berbilang kaum yang harmoni di Malaysia.

[100 markah]

6. Jika setiap individu dapat menghidupkan intipati kasih sayang di dalam dirinya dan apabila dia berhubungan dengan individu-individu lain tanpa mengira batas etnik, ras, agama dan kelas, maka sudah pasti ianya melahirkan masyarakat dan negara yang bahagia dan harmoni.

- (i) Huraikan intipati kasih sayang.
- (ii) Berdasarkan beberapa contoh suasana perhubungan etnik dan ras di Malaysia, bincangkan kenyataan di atas.
- (iii) Nyatakan beberapa teknik untuk mengukur wujud atau tidaknya kasih sayang di dalam hubungan di antara individu-individu dari kumpulan ras dan etnik yang berbeza.

[100 markah]

7. Rakyat Malaysia pernah berhadapan dengan Sejarah pahit akibat dijajah oleh Portugis, Belanda, Inggeris dan Jepun. Sejauhmanakah pengalaman pahit ini dijadikan iktibar oleh golongan kaya dan berkuasa di negara ini di dalam mempertahankan keadilan dan keharmonian di kalangan masyarakatnya yang berbeza dari segi etnik dan ras?

[100 markah]